# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 12 | RABU 22HB. MACH, 1978. | 1398 رابو 12 ربيع‌الاخير | PERCHUMA

## PEGUAM NEGARA DI-KORNIAKAN GELARAN 'CHETERIA'



Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan gelaran 'Cheteria' kapada Peguam Negara, Y.B. Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Lapau di-sini petang semalam.

Y. B. Pengiran Bahrin sekarang di-kenali sabagai **Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja.**

Istiadat yang di-jalankan dengan penoh adat istiadat itu telah di-hadhiri oleh Kerabat2 Diraja dan pembesar2 negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah di-lantek menjadi Peguam Negara mulai 1hb Januari tahun ini dan merupakan anak tempatan yang pertama memegang jawatan tersebut.

## PELUANG UNTOK MELANJUTKAN PELAJARAN KELUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pemohon² ada-lah di-pelawa untok di-pertimbangkan mendapat Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi menjalani kursus ijazah, ikhtisas atau sa-paroh ikhtisas di-luar negeri.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai kelulusan akademik Sijil Am Pelajaran (perengkat biasa)/G.C.E. (Ordinary Level) dalam bahasa Melayu.

Pemohon2 yang memohon bagi kursus ijazah dan ikhtisas mesti-lah lulus S.A.P./G.C.E. sekurang2-nya DUA di-perengkat Lanjutan (Advance Level) dan DUA di-Perengkat Biasa (Ordinary Level) yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan.

Bagi kursus sa-paroh ikhtisas pula, pemohon2 mesti-lah lulus S.A.P. (Perengkat Biasa)/G.C.E. (Ordinary Level) sekurang2-nya dalam empat mata-pelajaran yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan.

Kursus ijazah yang di-tawarkan ia-lah Perubatan, B.A./B.Sc. (General) Diploma in Education, B.Ed., Electrical/Electronic Engineering, Civil/Mechanical Building Engineering, Architecture/Landscape Architecture R.I.B.A., Computer Science, Zoology, Geology, Undang2, Valuation, Economic, Nutrition/Dietetics, Forestry, Agriculture, Pharmacy, Petroleum Engineering, Meteorology dan Land Surveyor + Diploma in Photogrammetry.

Kursus ikhtisas dan sa-paroh ikhtisas ia-lah Association of Certified Accountant (ACA), Purchasing and Supply, A.L.A. (Librarianship), Sijil Setia Usaha (Jenis 'A'), Sijil Setia Usaha (Jenis 'B'), Institute of Statisticians, Diploma in Public Health Inspection, Diploma in Orthopics, Nursing (S.R.N.+S.C.M.), Membership of Chartered Society of Physiotheraphy dan Cadet Pilot.

Di-samping itu, kursus bahasa Inggeris juga di-tawarkan kapada penuntut2 aliran Melayu.

Pemohon2 untok kursus ini mesti-lah lulus sekurang2-nya DUA mata-pelajaran perengkat Lanjutan (Advance) dan SATU mata-pelajaran perengkat Biasa (Ordinary Level) yang di-ambil dalam sekali pepereksaan dalam Aliran Melayu. Mereka juga mesti-lah belum memegang sabarang jawatan tetap dengan mana2 pehak.

Borang2 permohonan dan lain2 keterangan yang berkaitan boleh di-dapati dari Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 27hb Mach, 1978.

## *Usaha PERTIWI yang patut di-banggakan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, menyatakan ada-lah kena pada tempat-nya PERTIWI mengusahakan ranchangan2 di-bidang urusan rumahtangga dalam hal2 masak-memasak, menjahit, membuka kelas2 pelajaran ugama dan Al-Kor'an serta kerja2 berkebajikan yang lain untok faedah masharakat kita yang benar2 memerlukan tunjok ajar dan pimpinan dalam satu2 bidang.

Kata-nya, satu kejayaan PERTIWI yang patut di-banggakan ia-lah dengan ada-nya Taman Asohan PERTIWI untok mengasoh kanak2 kechil dalam latehan sa-belum bersekolah.

"Mengadakan taman asohan ini bukan-lah perkara mudah di-lakukan tetapi harus menempoh kesabaran dan ketabahan di-hati dan harus pula menjadi chontoh kapada badan2 sukarela serta persatuan2 yang lain di-negeri ini", jelas Yang Berhormat itu seterus-nya.

Beruchap ketika merasmikan Mashuarat Agong PERTIWI kali ke-9, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja menyeru puchok pimpinan PERTIWI supaya akan terus menerus mengusahakan perkara2 yang berkebajikan, bukan sahaja di-Daerah Brunei dan Muara bahkan ka-daerah2 lain seluroh negeri.

Sementara itu Pengerusi Tertinggi PERTIWI, Datin Hajjah Zaharah dalam uchapan alu2an-nya di-upachara Mashuarat Agong yang di-adakan pada hari Ahad, 19hb Mach bertempat di-Pusat Belia itu, pula berkata di-sepanjang tahun PERTIWI telah dapat berjalan dengan baik dan beberapa kelas ugama dan membenteras buta huruf telah di-tubohkan dengan memuaskan di-samping mengadakan kelas2 urusan rumah-tangga dan jahitan.

## TIGA ORANG PEGAWAI KA-UNITED KINGDOM

BANDAR SERI BEGAWAN.— Satu rombongan tiga orang yang di-ketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin telah bertolak ka-Singapura pada hari Isnin lalu dalam perjalanan merekè ka-United Kingdom. Dua orang yang lain-nya dalam rombongan tersebut ia-lah Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat dan Pegawai Pepereksaan, Awg Mohd Yusof bin Daud.

Tujuan pemergian mereka itu ia-lah untok merundingkan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memasokan pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sa-bagai salah satu mata-pelajaran dalam pepereksaan G.C.E. 'A' Level.

Sa-masa berada di-London, rombongan tersebut juga akan meninjau masaalah2 yang di-hadapi oleh penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Sa-belum ka-United Kingdom, rombongan tersebut akan singgah di-Kaherah, Mesir dan akan menemui pegawai2 dan penuntut2 Brunei yang sedang menuntut di-beberapa buah universiti di-Mesir.

## Pertandingan kuiz perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pertandingan akhir Kuiz Sekolah2 Rendah Kerajaan kali yang ke-6 yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran akan di-langsongkan pada hari Sabtu, 25hb Mach ini bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini mulai jam 8.30 pagi.

Pertandingan tersebut akan di-sertai oleh 4 buah sekolah; dua buah sekolah rendah Melayu dan dua buah Sekolah Persediaan Inggeris dari seluroh negeri.

SM Bebuloh dari Daerah Brunei dan Muara telah berjaya memasoki perengkat akhir sa-telah mengalahkan SM Sungai Kebun dalam saringan peraduan perengkat sa-paroh akhir manakala lawan-nya SM Bukit Udal dari Daerah Tutong pula berjaya memasoki perengkat akhir sa-telah mengalahkan johan dari Daerah Belait ia-itu SM Ahmad Tajuddin.

Bagi pertandingan Sekolah Persediaan Inggeris, SPI Anggerek Desa akan bertemu dengan SPI Tutong sa-telah kedua2-nya berjaya mengalahkan SPI Datu Ahmad bagi SPI Anggerek Desa dan SPI OKSB Kilanas bagi SPI Tutong.

Pertandingan itu akan di-rasmikan oleh Awg Abdul Razak bin Haji Muhammad, Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei manakala hadiah2 akan di-sampaikan oleh isteri beliau, Dayang Rokayah bte Haji Shafiee.

Terdahulu dari itu dalam pertandingan yang sama bagi perengkat menengah bawah di-perlawanan sa-paroh akhir yang telah berlangsong di-dua buah pusat pertandingan pada hari Sabtu, 18hb Mach lalu, SMM Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah berjaya menewaskan Maktab Anthony Abell, Seria dan akan bertemu dengan Maktab SOAS (J) sa-telah berjaya mengalahkan STPRI.

Bagaimana pun menurut Pengerusi Pertandingan Kuiz Menengah Bawah, Awang Hisham, pertandingan tersebut hanya akan dapat di-langsongkan selewat2-nya awal bulan April depan bertempat di-Dewan SM SMJA.

## Penjualan di-hentikan

JABATAN Perkhidmatan Pos mengumomkan bahawa mulai dari 1hb April, 1978 ini, Wang Pos British yang bernilai 12½p dan 17½p akan di-hentikan penjualan-nya di-semua pejabat2 pos.

Menurut Pemangku Ketua Pos Agong, Pengiran Jaludin bin Pengiran Limbang dalam satu kenyataan-nya berkata salepas tarikh itu, Jabatan Perkhidmatan Pos tidak akan menerima Wang Pos British tersebut untok di-tukar dengan wang tunai.

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

22HB. MACH, 1978.

# JANGAN SAPERTI SI-PUGUT!

SEBUTAN Si-Pugut dan Si-Pandan, ada-lah merupakan satu2-nya perkataan sakti yang terkeluar dari mulut orang tua2 kita di-Brunei, yang seharus-nya jangan kita lupakan di-sebalek-nya dijadikan sa-bagai satu perbendaharaan bagi memperkayakan bahasa ibunda jika dapat sa-banyak2-nya yang terdaya. Si-Pugut, di-tujukan kapada anak2 kechil yang hanya semata2 suka melihat atau menggunakan hadiah, pemberian atau keselesaan dalam waktu yang sesingkat2-nya. Perbuatan pugut juga selalu merosakkan sama ada benda2 yang mahal atau murah dari segi penilaian — tidak ingin melihat sesuatu itu lebeh lama, lebeh baik dan semporna — pendek kata perbuatan pugut itu satu perbuatan yang tidak semporna dan seharus-nya di-hindarkan jauh2 dari masharakat kita sekarang ini.

Baru2 ini Ahli2 Yang Berhormat, yang di-ketuai oleh Y.B. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, yang telah mengadakan lawatan, tinjauan dan taklimat ka-lima buah Kampong2 Ayer, terus terang menyatakan: "Ada jua pendudok2 yang tinggal di-Kampong Ayer itu yang tidak pandai menggunakan dengan sepatut-nya kemudahan atau kesenangan2 yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; saperti menaroh kayu2 di-tepi2 jembatan sa-hingga menghalang kapada orang ramai yang lalu lintas di-jembatan2 itu."

Kemudian Yang Berhormat Awang Abdul Latif pula menchadangkan supaya di-pasang 'Pondok2 Talipon Awam' di-Kampong2 Ayer untok orang ramai bagi kegunaan kechemasan saperti Bomba, Pulis, Kereta Rumah Sakit dan seumpamanya, sekali pun menurut beliau pondok2 yang dimaksudkan pernah di-adakan oleh Kerajaan di-tempat2 lain yang berakhir dengan kerosakan2 di-sebabkan perbuatan pugut atau nakal! Sekali pun menurut Yang Berhormat hal tersebut boleh di-fikirkan untok mengatasi-nya, sekira-nya belia2 di-kampong2 tersebut dapat mengadakan kawalan bergilir2 — akan tetapi pada praktik-nya amat-lah sukar untok memastikan supaya ia-nya dalam keadaan yang semporna dan selamat; sama-lah di-umpamakan saperti cherita Si-Pugut itu tadi.

Yang lebeh aneh lagi, kalau kita pergi menjengok ka-tempat2 'Tandas Awam' di-negeri ini dan lain2 harta benda Kerajaan akibat perbuatan Si-Pugut itu sunggoh mengaibkan! Apa-kah ini juga Kerajaan hendak di-salahkan?

Telah berkali2 di-tegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak teragak2 untok berbelanja demi kesejahteraan, faedah, kesenangan atau kemudahan orang ramai (raayat dan pendudok di-negeri ini); asalkan ia-nya benar2 di-gunakan dengan sebaik2-nya! Bukan di-sebalek-nya kemudahan atau kesenangan yang di-berikan itu untok beberapa ketika sahaja !

# DARI BILEK TAKLIMAT

## Siri ketujoh

**Oleh kerana Bilek Gerakan di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-tukar nama-nya menjadi Bilek Taklimat, maka nama ruangan ini juga di-ubah mengikut nama tersebut.**

DALAM siri ketiga yang lalu kita telah menyingkap mengenai dengan Mukim Kota Batu dalam Daerah Brunei/Muara. Dalam siri ini kita sambong lagi liputan mengenai mukim dan kampong yang terdapat dalam daerah tersebut. Mukim yang kita ikuti dalam siri ia-lah Mukim Serasa.

Mukim Serasa mengandongi 10 buah kampong dan menurut laporan Pejabat Daerah Brunei/Muara dalam tahun 1976 mempunyai sa-ramai 3,603 orang pendudok dan banyak rumah kira2 596 buah. Penghulu Mukim ini ia-lah Pengiran Haji Kahar bin Pengiran Haji Besar.

Untok memulakan-nya kita meninjau ka-Kampong Pelumpong. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Haji Kasim bin Bakar. Ramai pendudok-nya kira2 268 orang dan banyak rumah-nya kira2 67 buah. Di-kampong ini-lah letak-nya Pantai Muara yang mana telah di-ketahui umom bahawa pantai ini ada-lah tempat menyendarkan badan dan berehat dan bertenang sa-masa lapang bagi memenohi kehendak jasmani dan rohani yang mana sama2 mempunyai hak dalam santapan hidup kita di-dunia ini.

Di-kampong ini juga terletak-nya kawasan pelabohan Ayer Dalam. Beberapa pembangunan telah pesat di-laksanakan di-kampong ini. Di-sepanjang jalan menuju ka-Tanjong Pelumpong sekarang terdapat bangunan2 tersergam indah bagi menempatkan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat dengan Jabatan Pelabohan dan Kastam Diraja. Di-sini-lah juga ditempatkan pengkalan Angkatan Laut Askar Melayu Diraja dan hampir keseluruhan komplek perumahan bagi anggota2 angkatan laut itu hampir selasai di-bena.

Dari kampong Pelumpong, kita beredar ka-Pekan Muara pula yang tidak begitu jauh letak-nya dari Kampong Pelumpong.

Pekan Muara ini belum mempunyai Ketua Kampong-nya tetapi ia-nya di-bawah jagaan Ketua Kampong, Kampong Pelumpong, Awang Haji Kasim bin Bakar. Banyak rumah di-dalam kampong ini kira2 55 buah dan ramai pendudok-nya kira2 260 orang. Kawasan Pekan Muara ini saperti juga di-kawasan Kampong Pelumpong, kebersehan-nya ada-lah di-bawah jagaan Pejabat Daerah Brunei-Muara. Di-Pekan Muara ini telah terdapat beberapa buah kedai restoran dan bank. Walau pun Pekan Muara ini belum mempunyai pasar ikan dan sayor, tetapi kita boleh membeli sayor2 dan buah2an yang di-jual di-kedai2 runchit di-bangunan kedai2 itu tadi. Tetapi kalau hari2 kelepasan saperti Ahad dan Jumaat petani2 dan nelayan2 akan kita dapati menjual barang2 hasil dari usaha mereka dudok berator di-rusok sebelah kiri bangunan kedai itu. Perkembangan2 yang ternampak kapada kita di-Pekan Muara ini sa-makin sa-hari sa-makin maju kerana masa ini kita telah dapat melihat bangunan2 yang baharu telah di-bena di-sini oleh orang2 perseorangan dan pemilek2 tanah yang ada di-dalam kawasan Pekan Muara ini.

Mengenai dengan kemudahan2-nya pula Pekan Muara ini mempunyai sa-buah sekolah dan tidak jauh dari sekolah itu terletak sa-buah chawangan Perkhidmatan Pos, sa-buah Balai Bomba, Balai Pulis yang baharu lengkap dengan rumah2 pangsa tempat kediaman anggota2 pulis yang bertugas di-balai tersebut dan bekalan ayer. Berdekatan dengan Balai Pulis itu kita akan nampak sa-buah bangunan yang kukoh berbentok empat persegi bagi menempatkan ibu sawat talipon. Di-Pekan Muara ini juga telah di-bekalkan bekalan letrik.

Pekan Muara ada-lah sa-buah bandar yang kechil di-Daerah Brunei-Muara kalau kita pandang dalam segi kemajuan-nya masa ini di-kawasan ini juga termasok kawasan pelabohan Ayer Dalam Muara, Kastam Diraja juga di-tempatkan di-kawasan ini.

Dari Pekan Muara kita ka-Kampong Masjid Lama pula yang sesempadan dengan Pekan Muara.

Kampong Masjid Lama ini juga belum mempunyai ketua tetapi ia-nya juga di-bawah jagaan Ketua Kampong Haji Kasim bin Bakar. Ramai pendudok-nya kira2 654 orang dan banyak rumah2 di-dalam-nya kira2 berjumlah 87 buah rumah. Kampong Masjid Lama ini terletak di-tebing Laut Muara sa-hubong dengan Pekan Muara. Perhubongan ka-kampong ini dari Kedai Muara kita boleh melalui sa-buah jambatan yang sa-panjang 84 kaki dan lebar-nya 6 kaki yang di-bena oleh Kerajaan bagi kemudahan pendudok2 di-kampong ini berhubong dengan Kedai Muara. Di-samping kita boleh melalui jembatan kita juga dapat menggunakan jalan kechil yang di-bawah jagaan Pejabat Daerah Brunei/Muara sa-panjang kira2 ¼ batu. Walau pun kampong ini di-tepi laut namun kerajaan juga dapat membekalkan bekalan letrek dan ayer. Pencharian pendudok2 kampong ini ia-lah menangkap ikan dan berchuchok tanam. Ada juga yang bekerja di-pejabat2 Kerajaan dan sharikat2 samada yang ada di-Pekan Muara ini mau pun di-Bandar Seri Begawan, kerana jalan raya besar yang menghubongkan Pekan Muara dengan Bandar Seri Begawan hanya sa-jauh 17 batu.

Dari Kampong Masjid Lama mari kita berpindah ka-kampong Sabun. Kampong ini juga belum mempunyai ketua dan ia-nya termasok juga di-bawah jagaan Awang Haji Kasim bin Bakar sa-laku ketua kampong-nya. Awang Haji Kasim Ketua Kampong Pelumpong mengawasi lima buah kampong termasok kampong Kapok yang akan kita ikuti sa-lepas mengikuti kampong Sabun ini nanti.

Kampong Sabun ini mempunyai pendudok kira2 saramai 198 orang dan banyak rumah di-dalam-nya kira2 36 buah. Di-kampong ini-lah terbena-nya sa-buah Masjid yang indah di-Mukim Serasa ini yang lumrah di-sebut Masjid Muara.

Kampong ini juga mendapat kemudahan2 saperti Bekalan ayer, Letrik dan Talipon, jalan-raya jangan di-sebut lagi telah memang sedia ada bagi kemudahan kampong ini. Kerana letak-nya berdekatan dengan jalan-raya besar menuju ka-Bandar Seri Begawan.

Kampong Kapok Ketua Kampong-nya ia-lah Haji Miwa bin Bulat. Kampong ini mempunyai pendudok kira2 saramai 394 orang dan banyak rumah-nya kira2 82 buah. Kemudahan di-kampong ini terdapat jalan yang di-bawah jagaan Pejabat Daerah satu batu tiga suku menghubongkan Pantai dengan Jalan Muara. Di-kawasan pantai itu juga tempat pengambilan batu Pejabat Daerah Brunei dan Muara. Kemudahan2 yang lain ada-lah juga sama saperti kemudahan2 yang terdapat saperti di-kampong2 yang tersebut terdahulu tadi. Kelima2 buah kampong yang kami sebut di-atas tadi masaalah kehidupan dan kemudahan tidak-lah menjadi masaalah lagi bagi menghadapi atau menempohi hidup yang harmoni lagi bahagia yang telah di-berikan oleh Kerajaan DYMM dengan itu sudah tentu fikiran pendudok2 di-kampong ini akan sentiasa menumpukan keamanan dan keselamatan negara ini bagi mengekalkan keharmonian itu tadi. Hanya dengan ada-nya keamanan dan keselamatan negara sahaja-lah kita akan dapat menchapai hidup bahagia, aman makmor dan kekal dalam sejarah sa-bagai sa-buah negara Darussalam.

( BERSAMBONG )



Gambar atas menunjokkan ahli2 jawatankuasa Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria bagi tahun 1978 bergambar ramai sa-lepas pembukaan rasmi mashuarat pertama yang di-adakan baru2 ini. Gambar bawah pula menunjokkan ahli2 Kelab Fotografi sekolah tersebut yang telah di-tubohkan baru2 ini. Dudok nombor 4 dari kiri ia-lah Pengerusi kelab tersebut, Che'gu Tuah bin OKMD Haji Saman dan di-sebelah kiri beliau ia-lah Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Che'gu Aliakhbar bin Ibrahim yang juga selaku Penasehat kelab tersebut.



# Harga barang2 keperluan

**SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-**bawah ini bermula bagi minggu 16hb Mach, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING — $4.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ghee Guan
   No. 4, Jalan McArthur
2. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa 340gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman
   No. 94, Jalan Chevalier.
   b) A. M. Mohammad Ali Maricar,
   No. 87, Jalan Chevalier.
   c) A. Muthian,
   No. 9, Jalan McArthur.
   d) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
   e) Ming Thai,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Yick Yuan,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Chop Haw Min,
   No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa 340gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Chop Haw Min,
   No. 'B' Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA**

1. UDANG KERING — $5.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Giap Hin,
   No. 49-B Jalan Bunga Kuning.
2. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa 340gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Siong Huat,
   No. 40, Jalan Sultan Omar Ali
   b) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Chop Giap Hin,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Wong Wah Seng Trading
   No. 73, Jalan Bunga Kenanga.



Y.B. Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

# DARI DEWAN MAJLIS

## KERAJAAN AMBIL BERAT EJEN2 PELANCHONGAN DI-NEGERI INI

PEMANGKU Penasehat Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika menyokong Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan 1977 menyatakan di-zaman moden ini perjalanan dan pengembaraan telah banyak berubah sesuai dengan pemikiran manusia, dalam menchiptakan kemudahan2 dan tamadun yang semakin menyenangkan manusia sendiri.

Di-beberapa buah negeri, tambah Yang Berhormat, perkhidmatan perjalanan atau pengembaraan ada-lah di-ambil berat oleh Kerajaan dan sentiasa di-perkemas pentadbiran-nya; sebab perjalanan pengembaraan atau pelanchongan pada zaman ini menjadi perusahaan yang menguntongkan termasok-lah sa-bagai satu chara untok membawa masok wang tukaran asing.

Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan ini bertujuan untok mengadakan sharat2 bagi mel' hinkan perjalanan ejen2 pelanchongan untok kepentingan negeri kita dewasa ini, di-samping mengator urusan2 perniagaan yang berhubong dengan kerja2 ejen2 pelanchongan, jelas-nya.

Tambah-nya, Bab 6 (1) dari Rang Undang2 itu ada-lah di-sharatkan bahawa tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan sabagai ejen2 pelanchongan, melainkan ia-nya memegang sa-suatu lesen yang diberikan kapada-nya oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Kerajaan amat mengambil berat akan pentadbiran ejen2 pelanchongan itu. Kerana itu ada di-sediakan sharat2 tertentu serta bokti2 keterangan2 yang memuaskan mengenai dengan nama baik dan peribadi pemohon, ujar-nya.

"Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan 1977 ini ada-lah menggambarkan sa-bagai usaha2 bagi menentukan bahawa Ejen2 Pelanchongan akan dapat berjalan dengan sempurna dan orang ramai akan dapat dilindongi dengan sebaik2-nya", jelas Yang Berhormat itu lagi.

## Penghulu2, Ketua2 Kampong di-ingatkan awasi anasir2 yang tidak di-ingini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, yang juga sa-laku ketua rombongan Ahli2 Yang Berhormat dalam lawatan mereka ka-Kampong2 Setia, Saba Darat 'A', Saba Darat 'B', Saba Tengah, Saba Laut dan Saba Ujong; mengharapkan Penghulu2 dan anak2 buah mereka supaya mengawasi sa-tiap gerak langkah anasir2 jahat yang ingin mengganggu keamanan dan ketenteraman yang sedang ujud di-negeri ini.

"Mari-lah kita sama2 memberikan kerjasama kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjaga keselamatan dan keamanan di-negeri ini dan jangan lekas terpengaroh oleh anasir2 yang tidak di-ingini", ujar beliau lagi.

Dalam lawatan Ahli2 Yang Berhormat ka-Sekolah Rendah Melayu Pehin Dato Jamil, Kampong Setia; mereka telah di-alu2kan oleh Guru Besar serta wakil dari Jabatan Pelajaran. Perbinchangan2 serta chadangan2 keseluruhannya tertumpu kapada masaalah kemajuan pelajaran serta kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

Menyatakan pandangan-nya mengenai dengan kemerosotan keputusan pepereksaan tahun ini, Guru Besar Sekolah itu menegaskan ia-nya berpuncha dari kelalaian ibubapa yang hanya menyerahkan bulat2 anak2 mereka kapada guru dan kechuaian anak2 itu sendiri yang hanya indah tak indah terhadap pelajaran.

Kesesakan kelas2 serta kekurangan bangunan sekolah juga telah di-bangkitkan. Menurut salah sa-orang wakil Jabatan Pelajaran bahawa ada setengah2-nya wang yang telah di-peruntokkan bagi bangunan sa-sebuah sekolah itu telah diluluskan sejak tahun 1975, akan tetapi bangunan yang diharapkan itu belum juga dilaksanakan — ini menurut-nya bukan tanggong-jawab Jabatan Pelajaran.

**Terdapat sa-buah Klinik di-Kampong Setia sini yang telah siap di-bena sejak kira2 lebeh lima bulan, akan tetapi hingga hari ini, bangunan tersebut belum di-gunakan (lihat gambar atas).**

Rombongan beredar ka-rumah Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Haji Masri, ka-rumah Awang Ibrahim bin Awg Besar, Ketua Kampong Saba Tengah dan seterus-nya ka-rumah Penghulu Mukim Saba, Awang Haji Ahmad bin Pateh Setia Diraja Haji Tengah.

Dalam perbinchangan mengenai dengan perikanan, Ketua Kampong Saba Tengah, Awang Ibrahim mengharapkan pehak berkenaan akan dapat memberikan kemudahan, latehan, tunjok ajar perlu di-berikan kapada para nelayan di-kampong tersebut sa-bagaimana bantuan, kemudahan dan saumpama-nya yang telah di-berikan kapada para petani di-negeri ini, sa-lama ini demi meninggikan taraf hidup kaum nelayan di-negeri ini.

Menurut-nya, memandang kapada hasil pendapatan para nelayan berbanding dengan harga perkakas menangkap ikan, yang semakin melambong tinggi itu, ada-lah tidak seimbang; oleh itu Jabatan Perikanan harus mengadakan satu pengkajian bagi mengatasi masaalah yang di-hadapi oleh kaum nelayan di-negeri ini.

Penghulu Haji Ahmad memberitahu bahawa kira2 400 kaki jembatan yang rosak di-Kampong2 di-bawah jagaannya telah di-baiki. Beliau berchadang supaya tiang2 lampu untok jembatan turun naik penumpang patut juga di-sediakan.

Pateh Haji Masri pula menyatakan bagi pehak anak2 kampong di-Mukim Sungai Kebun ingin menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerana memberikan serba kemudahan serta kesenangan yang sedang di-nekmati oleh penudok2 kampong dengan tidak ada beza-nya saperti yang telah di-nekmati di-kampong2 lain.

Mengenai dengan tenaga letrik, talipon, jembatan2 serta masaalah permohonan pekerjaan juga telah di-bangkitkan dalam perjumpaan2 tersebut.

Pelita Brunei di-fahamkan oleh ketua rombongan, kapada kampong2 yang belum sempat di-lawati oleh rombongan Ahli2 Yang Berhormat itu di-harap akan bersabar bagi menunggu giliran masing2. "Lawatan2 saumpama itu juga akan di-adakan ka-tiap2 Jabatan Kerajaan," tambah-nya.

Rombongan Ahli2 Yang Berhormat akan mengadakan lawatan-nya ka-Kuala Belait esok. Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pengiran Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.



**Bangunan Klinik Kampong Setia ini sedang berdiri dengan gagah-nya, tetapi, sudah lebeh lima bulan siap, belum juga digunakan. Untok mengetahuinya, rombongan Ahli2 Yang Berhormat sedang mengambil perhatian untok di-hadapkan kapada pehak berkuasa, Jabatan Perubatan dan Kesihatan.**



**Rombongan Ahli2 Yang Berhormat melalui sa-buah jembatan di-Kampong Setia.**



Gambar menunjokkan rombongan Ahli2 Yang Berhormat sedang mendengar pandangan sa-orang anak kampong mengenai masaalah perikanan sa-waktu berada di-rumah Ketua Kampong Saba Tengah, Awang Ibrahim bin Awang Besar.



Rombongan Ahli2 Yang Berhormat bergambar ramai dengan Guru Besar dan wakil dari Jabatan Pelajaran, di-Sekolah Rendah Melayu Dato Jamil.

# Regatta commemorates Queen's visit



BANDAR SERI BEGAWAN.—Thousands of people watched the regatta in the Brunei River held here last week to commemorate Queen Elizabeth's visit to Brunei in 1972.

They included His Highness the Sultan, the British High Commissioner Mr. Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir and other State dignitaries.

A total of twenty-two events for both paddle and outboard motors were held.

The highlight of the regatta was a race for State dignitaries in which the British High Commissioner and the State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz took part.

The race was won by the Pehin2 Timang-Timangan Begawan team who comprised Pehins and officers in the Religious Affair Department.

Second in the event were the Brunei Muara District Officer, Penghulus and Ketuas while third place went to the Mentri Bertauliah and Mentri Pendalaman.

In the event for government departments, the team from the Fire Brigade, Brunei Muara District was first, the combined team of the Fire Stations in Tutong, Seria and Belait second and the Tutong-based Second Battalion of the Royal Brunei Malay Regiment third.

In the race for outboard motors (under 45 horsepower), James the First owned by the State Secretary was first, MHM 400 owned by Haji Mastan Metussin second and Mini 77 third.

The State Secretary's speedboat was again first in the race for outboard motors under twenty-five horsepower with Gemini No. 9 owned by Teo Yong Ming winning second place and Haji Mastan's MHM 400 coming third.

The British High Commissioner presented prizes to the winners at the end of the day.



# Orientation week

JALAN MUARA.— The Deputy Director of Education, Awang Abdul Razak bin Mohammad will tomorrow declare open the annual orientation week for students of the Sixth Form Centre here.

During the week, the students will be cleaning up the new premises at Jalan Gadong. They will also visit the Jefri Bolkiah School of Engineering in Kuala Belait and the Sinaut Agriculture Station.

The new premises of the centre will be ready for use in about three months' time.

# Progress well on Mata Mata roads

BANDAR SERI BEWAWAN. — Work on the construction of two roads at Kampong Mata Mata off Jalan Gadong in the Brunei Muara District is progressing as scheduled.

The roads costing some six hundred thousand dollars will be completed in about a year's time.

When completed they will give easier access to farmers living in the area to transport their produce to the town.

A Public Works Department spokesman here has disclosed that a similar road is also planned for Kampong Rambai in the Tutong District.

# Club for stamp collectors

BANDAR SERI BEWAWAN.—A new club for people interested in stamps has been formed in Brunei.

The club initiator and Chairman is Mr. William Housego-Woolgar who has arranged two open lectures during the next two months.

The first was held on Monday afternoon in the Churchill Memorial Museum Lecture Hall here.

The second will also be held at the Lecture Hall on Monday April 10 starting at 5.00 p.m.

The first lecture was delivered by the club's Vice-Chairman, Dato E. Thorndike while the second will be given by one of Brunei's long standing stamp experts, Mr. K. Ferry, who is believed to have the finest and most complete set of Brunei stamps in the country.

Mr. Ferry will be talking about Brunei Stamps and Stamp Collecting generally.

Members of the public particularly those interested in stamps and joining the society are welcome to attend the talks and inspect the stamps which will be shown.

Further details are available from the Secretary, Mr. Peter Robinson, telephone 25776 or the Chairman, Mr. Housego-Woolgar at the Town and Country Planning Department.



**The Controller of Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz presenting the captain of the Ikatan Belia Berakas IBB team Idris Damit the trophy after IBB beat INDERA by one nil in the final of the soccer tournament organised by INDERA held at the Bandar Seri Begawan Padang last Friday.**

# Overseas courses offered

BANDAR SERI BEWAWAN.—The Education Department is inviting applications from Brunei citizens who want scholarships for degree, professional and semi-professional courses overseas.

Applicants must have passed the Malay Language at Ordinary Level of the GCE examination.

In addition those applying for degree and professional courses must have at least two Advanced Level and two Ordinary Level subjects while those wanting to take semi-professional courses should have at least four subjects at Ordinary Level.

The department is also offering scholarships for Malay medium students who want to take English Language courses.

The students must posses two subjects at Advanced Level and one at Ordinary Level.

Further information can be obtained from the Chief Scholarships and Welfare Officer at the Head Office here.

The closing date for applications is March 27.

# Immigration Dept moves to new offices

BANDAR SERI BEWAWAN.—The Department of Immigration and National Registration last week moved to new offices at the Suri Seri Begawan building here, approximately half a mile from its old headquarters.

The Suri Seri Begawan building is located at Jalan Tutong, very close to the Medical and Health Department headquarters.

The department is occupying the offices vacated by the Pacific Electric Company on the entire first floor and almost all of the second floor.

The Identity Card section which is presently accommodated in a building next to the Malay Teachers' building will also have its offices there soon.

# More bus licences offered

BANDAR SERI BEWAWAN.—Public bus services in the State will be further improved with the Motor Transport Licensing Authority offering more licences for the running of buses.

Two of the licences are for routes between Bandar Seri Begawan and Kampong Limau Manis in the Brunei Muara District and the other one for between Labi and Seria in the Belait District.

The offer is open to private individuals, cooperative societies and registered associations.

Those interested must send in their applications before April 5.

# Postal orders

BANDAR SERI BEWAWAN.—The Postal Services Department has announced that as from April 1, the sale of 12½ and 17½ British Postal Orders will be discontinued in all post offices.

Postal orders of these denominations will not, therefore, be accepted by the department for encashment in future after the above date.

# Telephone House

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government is now considering tenders for the construction of the State's new Telephone House here.

The two-million dollar nine-storey complex will be built at a site at the junction of Jalan Tutong and Jalan Istana Darus Salam.

Piling work and site preparation on the area has already started and will be completed in about two months' time.



Keluarga Awang Langkah yang telah memelok Ugama Islam pada minggu lalu.

# Sa-keluarga memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.— Lapan orang Iban sa-keluarga dari Kampong Amo, Daerah Temburong, telah memelok ugama Islam pada 10hb Mach malam Ahad dalam satu Majlis PengIslaman yang berlangsong di-rumah Awang Haji Hambali bin Awang Tengah, Kampong Manggis, Jalan Muara.

Mengepalai keluarga itu ia-lah Langkah anak Rantap, 46 tahun, sa-orang Mandor di-Pejabat Daerah, Bandar Seri Begawan. Beliau kini di-kenali sa-bagai Mohd Hashim bin Abdullah. Beliau di-sertai oleh isteri-nya Tumbu anak Nyuak, 40 tahun, kini di-kenali sa-bagai Sa'adiah bte Abdullah, dan anak2 mereka yang terdiri dari Linda, 19 tahun dan kini di-kenali sa-bagai Haslinda; sementara suami-nya Siga anak Baji, 26 tahun, sa-orang anggota Polis Diraja Brunei kini di-kenali sa-bagai Mohd Jaya bin Abdullah, Edward, 18 tahun, kini di-kenali sa-bagai Mohd Radzuan, Ramlan, sa-bagai Mohd Ramlan (11 tahun), Jamilah, tujoh tahun, kini di-kenali sa-bagai Siti Jamilah dan anak mereka yang maseh kechil berumor satu tahun kini di-kenali sa-bagai Siti Noraini.



Mohd Ali bin Abdullah



Mohd. Rosdi

Pada 9hb Mach bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri telah juga di-langsongkan Majlis PengIslaman sa-orang lelaki Dusun, Sapik anak Indah, 32 tahun, Sapik kini di-kenali sa-bagai Mohd Ali bin Abdullah.

Pada 13hb Mach pula, dua orang dari puak Iban juga telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis pengIslaman di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Saudara baru itu ia-lah Apang anak Antau, 32 tahun berasal dari Sibuti, Sarawak dan Nanging anak Jang, 16 tahun berasal dari Kampong Rampayoh, Labi, Ulu Belait.

Apang memileh nama Islam-nya sa-bagai Amat bin Abdullah manakala Nanging memileh nama Islam-nya sa-bagai Rosdi bin Abdullah.

Kesemua majlis pengIslaman itu di-laksanakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong** mulai dari hari Rabu 22hb Mach 1978 hingga ka-hari Selasa 28hb Mach 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 23hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 24hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 25hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 26hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 27hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 28hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# SIFAT MEMBAZIR SANGAT MERUGIKAN

## KHUTBAH JUMAAT



SESUNGGOH-NYA sa-bahagian daripada kesusahan yang di-rasai oleh manusia itu ada-lah azab yang di-tempakan oleh Allah di-sebabkan perbuatan jahat dan dosa yang di-lakukan oleh manusia sendiri, saperti kemarau, kurang makanan, banjir dan lain2. Maka kita hendak-lah menjauhkan diri daripada dosa yang boleh menyebabkan kita jatoh ka-dalam seksa Allah di-dunia dan di-akhirat.

Pada masa sekarang Brunei sekali lagi telah di-landa oleh musim kemarau yang agak panjang. Saperti juga pada masa dahulu di-musim2 saperti ini penggunaan ayer telah pun di-chatu daripada 24 jam kapada hanya tidak lebeh daripada 8 jam sa-hari, keselurohan orang di-negeri ini mengeloh menyatakan kesusahan kerana kekurangan ayer, mereka tidak lagi bebas menggunakan ayer sa-kehendak hati. Dan sa-bahagian daripada mereka menyalahkan pehak yang berkuasa yang menyekat penggunaan ayer kita itu. Tetapi demikian-lah perangai manusia itu tidak ingatkan waktu susah pada masa senang. Waktu telah di-gunakan dengan tidak ada batasan, setengah-nya di-buang2 atau di-biarkan terbuang saperti jika ada saloran2 paip pechah di-biarkan pechah tanpa di-beritahu kapada pehak yang berkenaan supaya di-perbaiki sa-chepat mungkin.

Sifat membajir menggunakan ayer ini sangat-lah merbahaya. Kita patut ingat pada musim2 sa-belum Projek Layong siap di-mana kita semua "tengak2 akan ayer". Maka jangan-lah sudah ada ayer kita lupakan keadaan itu lalu menggunakan ayer tanpa batasan. Kerana ayer ada-lah sumber alam, dan saperti sumber yang lain ayer juga ada masa-nya kurang, ada masa-nya hujan tidak turun.

Oleh sebab itu penggunaan ayer hendak-lah di-perimbangkan dan di-fikirkan untok masa2 ayer kurang atau tidak ada, supaya kita tidak perlu menchatu atau menyekat penggunaan ayer saperti masa sekarang pada masa ayer kurang.

Nabi s.a.w. menasehati orang Islam supaya berpada2 dan berhati2 menggunakan ayer sa-hingga Baginda di-riwayatkan berudhu' hanya dengan menggunakan kira2 sa-chupak ayer dan mandi hanya dengan menggunakan kira2 sa-gantang ayer. Pada suatu ketika sa-bagaimana yang di-riwayatkan daripada Ibnu Abas sa-orang lelaki pun datang bertanya kapada Baginda berapa banyak ayer yang patut di-gunakan untok berudhu'? Jawab Baginda: "Sa-chupak". Berapa banyak ayer patut di-gunakan untok mandi tanya laki2 itu, jawab Baginda : "Sa-gantang". Itu tidak chukop kata lelaki itu. Maka jawab Baginda betapa tidak chukop sedangkan ayer sa-banyak itu boleh chukop di-gunakan oleh orang yang lebeh baik daripada kamu ia-itu aku Rasulullah s.a.w.

Satu cherita lagi di-riwayatkan oleh Imam Ahmad dan lain2 periwayat bahawa sa-orang Arab datang kapada Nabi bertanya tentang udhu'. Maka jawab Nabi ia-lah dengan membasoh tiga2 kali. Itu-lah udhu'. Maka barang siapa yang melebehkan daripada bilangan itu orang itu sudah berlaku burok, melampau batas dan berlaku aniaya. Maka jikalau Nabi sendiri menyuroh berpada2 dan berdikit2 atau kata orang berekonomi menggunakan ayer dalam berudhu' dan mandi- ia-itu suatu perkara yang paling mustahak kapada umat Islam dalam kehidupan sa-hari2, maka jangan-lah pula kita mengerjakan berlawanan dengan nasehat dan surohan Baginda itu. Kerana ajaran2 yang praktik saperti ini memang sangat berfaedah dan perlu di-fikirkan dengan saksama dan jangan-lah hanya sesudah terantok baharu-lah kita hendak tengadah — kerana perbuatan saperti itu sangat merugikan — gunakan-lah ayer untok sa-takat keperluan2 dengan tidak ada pembajiran.

# Amal saleh meliputi semua usaha dan perbuatan yang baik

## Bingkisan minggu ini

ISLAM ada-lah ugama yang praktik. Kepraktikalan-nya itu benar2 dapat di-nekmati dan di-rasakan oleh orang2 yang benar2 menghayati konsep Islam itu. Salah satu saloran yang patut di-praktikan itu ia-lah "amal saleh".

Sudah banyak bokti2 yang telah di-tunjokan oleh Islam melalui ayat2 suchi Al-Kor'an, hadith2 Rasulullah s.a.w. dan juga melalui sejarah perjuangan yang telah di-laksanakan oleh umat Islam dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga-lah ka-zaman Khulafa Ar-Rashidin dan seterus-nya ka-zaman para tabi'en. Dengan jelas memboktikan bahawa Islam ada-lah satu ugama suchi dan kesejahteraan; yang sentiasa memandu dan membimbing sa-tiap penghayat-nya (pemelok) menuju kagerbang kehidupan yang sejahtera di-sepanjang hayat di-alam dunia hingga-lah ka-alam akhirat.

Namun demikian, maseh terdapat di-kalangan umat Islam sendiri yang menyangka atau menganggap atau senghaja berbuat begitu; bahawa ugama Islam itu tidak sesuai dengan hakikat status kehidupan di-zaman sains dan teknoloji ini; kerana ia-nya (ugama Islam) itu hanya mementingkan kehendak2 akhirat dengan melakukan peribadatan semata2. Sekali gos, ini juga berma'ana ugama Islam itu tidak menggalakan umat-nya menjalani kehidupan yang bahagia, mewah dan ma'amor di-permukaan bumi ini.

Perkataan amal saleh yang begitu banyak terchatet di-dalam kitab suchi Al-Kor'an itu sebenar-nya bukan-lah semata2 membawa erti amal ibadat untok kepentingan hidup di-dunia akhirat. Bahkan, pengertian amal saleh itu ia-lah sa-tiap pekerjaan atau perbuatan yang bermaksud untok kebaikan sama ada besar atau kechil sedikit atau banyak yang di-lakukan dengan jujor dan ikhlas. Demikian-lah pengertian-nya menurut majoriti ulama tafsir.

Jadi, sa-orang Muslim yang bekerja membanting tulang di-tengah panas, kerana menchari nafkah yang halal untok keluarga-nya sa-hari2; ada-lah termasok orang yang melakukan amal saleh yang pasti akan mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t.

Demikian juga hal-nya dengan sa-orang Muslim yang hanya sa-kadar membuang duri atau sarpihan2 kacha yang bertaboran di-atas jalan ka-tepi jalan dengan tujuan supaya orang lain; tidak merbahaya oleh-nya maka ini juga amal saleh nama-nya dan akan mendapat korniaan pahala dari Allah s.w.t.

Ini sesuai benar dengan firman Allah s.w.t. di-dalam Surah Az-Zilzal ayat 7 dan 8 yang bermaksud kira2 :

*"Barang siapa yang melakukan amal kebajikan walau sa-besar debu sekali pun ia akan melihat hasil ganjaran pahala-nya. Dan barang siapa yang melakukan kejahatan walau pun sa-besar debu sekali pun, maka ia akan melihat pembalasan-nya."*

Dengan ini dapat-lah kita mengambil kesimpulan; bahawa amal saleh dalam ertikata yang sebenar-nya bukan hanya terbatas pada melakukan ibadat sembahyang tundok layah di-atas tikar sa-mata2, malah ia-nya meliputi semua aspek usaha dan perbuatan yang mendatangkan kebaikan kapada diri yang melakukan-nya dan terhadap masharakat-nya, bangsa-nya, ugama-nya dan negara-nya.

Dari sini jelas-lah kapada kita sa-bagai orang2 Islam —peluang untok mendapatkan ganjaran pahala dari Allah s.w.t. ada-lah terbuka sa-luas2-nya melalui amal saleh.

# ANAK2 KITA DI-GREAT BRITAIN




*Siri PELAJAR HARI INI DAN ESOK kali ini akan di-muatkan dengan renchana bersiri sa-banyak tiga siri yang di-tulis oleh Pengiran Mustapha bin Pg Metasan, Pegawai Dermasiswa dan Kesejehteraan Brunei yang kini bertugas di-Rumah Brunei, United Kingdom. Dalam renchana yang di-tulis oleh beliau ini para pembacha terutama ibubapa, penuntut akan dapat serba sedikit mengetahui apa yang sabenar-nya berlaku dan bergolak di-kalangan penuntut2 kita yang pada masa ini sedang menuntut di-UK. Kerana itu ada-lah sangat besar faedah-nya kapada kita semua jika kita menatapi dengan hati2 dan penoh tanggong-jawab mengenai renchana sengkat ini.*

*Kerana itu bagi sidang Pengarang PELITA BRUNEI ada-lah sangat2 berterima kaseh kapada penulis yang telah sudi menghulorkan kebaktian beliau bagi kita semua, di-samping itu PELJAR HARI INI DAN ESOK ada-lah sangat2 berharap dan membukakan peluang kapada para pelajar, guru2 dan pensharah2 agar akan sudi menghantar tulisan2 yang berupa renchana yang berhubong dengan hal ehwal pelajar. — Pengarang.*

## DILEMMA IBUBAPA

### (PERTAMA)

**ENGLAND, Wales dan Scotland di-panggil Great Britain. Great Britain dan Ireland Utara di-namakan United Kingdom. Jarak antara Brunei dan negeri ini ia-lah kira2 8,000 batu. Perbedzaan waktu antara kedua2 buah negeri ini ia-lah 8 jam, ia-itu jika di-London pada pukul 12.00 tengah malam hari Jumaat, waktu di-Brunei ia-lah pukul 8.00 pagi hari Sabtu.**

Dari sa-tahun ka-setahun kian bertambah ramai penuntut2 Brunei datang ka-Great Britain untok melanjutkan pelajaran di-berbagai perengkat. Kira2 700 orang jumlah penuntut Brunei pada masa ini berada di-sini. Sa-bahagian besar terdiri dari penuntut2 dermasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, yang lain-nya atas perbelanjaan sendiri dan dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Hitongan tepat jumlah penuntut2 itu susah di-dapati terutama-nya bilangan penuntut2 yang belajar atas perbelanjaan sendiri. Walau bagaimana pun penuntut2 dermasiswa Kerajaan ia-lah sa-ramai 387 orang dan pegawai2 atas dermasiswa dalam perkhidmatan sa-ramai 127 orang. Dalam tahun 1968 hanya 91 orang penuntut dermasiswa. Berbanding dengan jumlah pendudok Brunei pada masa ini, 190,360 orang, bilangan penuntut2 Brunei di-Great Britain itu tentu-lah tinggi kadar-nya. Akan tetapi bilangan itu ibarat sa-titek ayer di-lautan Atlantik bila di-banding dengan pendudok Great Britain yang lebeh 50 juta orang itu.

Bilangan penuntut2 Brunei itu kian nampak halus lagi kerana mereka belajar di-merata2 tempat di-England, Wales dan Scotland. Ketika ini tiada sa-orang pun penuntut Brunei yang belajar di-Ireland Utara.

Great Britain telah menchapai kemajuan dalam pendidekan, pembangunan negara, perusahaan dan segala2-nya. Oleh yang demikian sesuai-lah penuntut2 Brunei datang ka-negeri ini untok mendapatkan ilmu pengetahuan yang tinggi sementara belum terdapat di-negeri sendiri. Banyak chontoh2 kebaikan yang patut di-jadikan bahan untok memajukan negeri kita. Dalam pada itu banyak juga perkara2 yang tidak sesuai untok kita.

Sa-bahagian besar daripada ibubapa penuntut2 maseh dalam kegelapan tentang keadaan anak2 mereka yang belajar di-Great Britain itu. Ada yang mungkin menganggap bahawa anak2 mereka yang bertolak dari lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju lapangan Terbang Heathrow, London itu semata2 belajar siang dan malam serta tetap beroleh kejayaan dalam pelajaran masing2 dan balek ka-Brunei mendapat jawatan tertentu, ada pula yang ragu2 bahawa mereka belajar sambil berseronok2 atau berseronok2 sahaja tanpa belajar. Itu-lah mungkin anggapan yang bermain di-dalam fikiran ibubapa. Mereka yang beranggapan demikian tidak dapat di-nafikan kerana hanya sa-bilangan kechil sahaja daripada mereka yang ada kesempatan menjejakkan kaki mereka di-bumi Great Britain itu. Jadi mereka berserah kapada pehak2 yang berkenaan atas kesejahteraan anak2 mereka semasa berada di-luar negeri itu.

Harapan mereka itu terusek lalu kebimbangan mereka memunchak apabila anak mereka di-Great Britain telah di-burok2kan tidak tentu fasal oleh orang yang tidak bertanggong-jawab. Gambaran yang tidak sa-imbang itu telah di-hidangkan kapada orang ramai melalui akhbar. Betapa rosak-nya hati ibubapa oleh gambaran liar dan mengelirukan itu kerana mereka tidak berhajat untok menjadikan anak2 mereka itu sa-bagai mangsa tulisan yang tidak bertanggong-jawab. Berikutan dengan penjelasan2 dari pehak berkuasa, saya perchaya kebimbangan ibubapa itu telah reda. Kita dapat memahami rasa kaseh sayang ibubapa terhadap anak2 mereka. Anak2 mereka bertolak dari rumah di-bachakan do'a selamat dan di-bahangkan (di-bachakan azan) di-dalam hati sa-baik2 sahaja pesawat yang menerbangkan mereka ka-London berangkat dari landasan. Ini semua-nya tanda2 harapan yang di-pohonkan kapada Tuhan agar anak2 mereka selamat dalam segala2-nya.

Di-sini saya akan memberikan pandangan2 saya terhadap penuntut2 Brunei yang berada di-Great Britain. Pandangan sa-orang raayat yang menjadi Pegawai kapada mereka. Saya, bagaimana pun tidak-lah berdaya untok memberikan pandangan mengenai tiap2 orang penuntut, hanya sakadar sa-chara menyeluroh. Tujuan saya memberikan pandangan ini ia-lah untok mengatasi pandangan2 serong yang di-buat oleh musang berbulu ayam mengenai penuntut2 kita yang dagang di-negeri orang. Di-harap pandangan saya itu akan dapat di-terima sa-bagai penerangan yang sa-benar-nya.

Kebanyakan penuntut2 itu terdiri dari yang berugama, terutama-nya yang menganut ugama Islam. Mereka mempunyai masing2 sifat dan perangai. Ada yang cherdek, pendiam, pengkeritik, alim, pemarah, penyabar dan tidak pula kurang-nya yang chemidok. Akan tetapi mereka mempunyai azam yang sama ia-itu berusaha dan sa-kurang2-nya menchuba untok menchapai kejayaan dalam pengajian masing2.

Yang kurang nasib baik muleh ka-Brunei dengan tangan kosong, tanpa kejayaan dalam pengajian. Kegagalan mereka itu tidak-lah dapat di-ambil kesimpulan di-sebabkan mereka ingkar dari tanggong-jawab sa-bagai penuntut atau semata2 di-rasok oleh keseronokan2 yang terdapat di-Great Britain. Ada di-antara mereka benar2 berusaha sunggoh2 tetapi gagal juga dalam pengajian mereka. Banyak puncha2 yang menjadi faktor2 kegagalan itu, umpama-nya menguasai bahasa Inggeris, kesusahan memahami kuliah, masaalah2 penyesuaian kebudayaan dan makanan, masaalah2 adat resam, iklim, kepiluan dan bangsa. Jaya dan gagal memang terdapat dalam sasuatu usaha, ibarat irama dan lagu.

Tidak-lah adil jika kita semata2 mengambil perhatian terhadap kegagalan sahaja dan ia di-jadikan tembok mendinding segala kejayaan yang telah terchapai oleh penuntut2. Sedangkan menang dalam peperangan lagi di-hitong soldadu yang gugor. Kejayaan2 penuntut dalam pengajian mereka sa-lama ini tidak di-hebohkan dalam surat khabar. Mengapa demikian? Tentu-lah ada muslihat-nya. Jika ada bahan untok memburok2kan mereka, tidak ada kurang-nya pula terdapat kejayaan2 dan kebaikan untok bahan2 berita.

Pemberita2 tidak mahu tahu berapa orang penuntut2 telah lulus dalam pereksaan dan berjaya mendapat diploma atau ijazah, apa kegiatan2 kebajikan yang di-laksanakan mereka, apa kesusahan2 yang di-tempoh mereka dan apa pula sumbangan mereka kapada masharakat dan negara. Jika benar2 jujor untok mengketengahkan kejayaan dan kebaikan penuntut2, ini semua-nya boleh di-jadikan bahan artikal dan berita. Akan tetapi perkara2 itu tidak di-indahkan. Sikap saperti ini sangat mendukachitakan.

Dalam tahun 1977 sa-ramai 40 orang penuntut dermasiswa Kerajaan Brunei telah berjaya mendapat masing2 kelulusan dalam pelajaran tinggi di-Great Britain saperti sijil, diploma dan ijazah; 27 orang daripada mereka berkelulusan ijazah. Penuntut2 yang berjaya itu telah pun berkhidmat di-tanah ayer kechuali 19 orang maseh melanjutkan pelajaran yang lebeh tinggi daripada yang telah di-perolehi mereka. Saya optimis bahawa bilangan penuntut2 yang akan berjaya mendapat kelulusan2 tinggi pada tahun ini akan bertambah. Penuntut2 Brunei di-Great Britain yang di-jangka akan menamatkan pengajian mereka itu ia-lah sa-ramai 111 orang ia-itu:—

- Tujoh orang—Certificate for Teaching Technical Subjects Overseas.
- Tujoh — Certificate in Education.
- Tiga-belas orang—Post-Graduate Certificate in Education, Diploma in Education, Diploma in Educational Technology.
- Tujoh-belas orang—Higher National Diploma.
- Tujoh orang—Secretarial Qualification.
- Empat puloh tiga orang — Ijazah.
- Tiga orang — Accountancy.
- Lapan orang—Jururawat.
- Enam orang — Arts dan lain2 bidang.

Dalam pada itu sa-ramai 21 orang penuntut Brunei di-Great Britain telah di-tarek dermasiswa mereka dalam tahun 1977 kerana mereka tidak lagi dapat memenohi sharat2 pengorniaan dermasiswa. Patah tumboh hilang berganti, 21 orang di-tarek dermasiswa tetapi 137 orang telah di-korniakan dermasiswa dalam tahun 1977. Ada-lah di-harapkan supaya penuntut2 yang menekmati peng-

Lihat muka 12



**Awang Maidin Hamid di-akad nikahkan oleh Awang Abdul Mokti bin Md. Daud pada 18hb Jun, 1977 di-Surau Rumah Brunei, London. Gambar ehsan: Noriah Ahmad.**



**Majlis Khatam Al-Kor'an di-Dewan Makan Rumah Brunei, London dalam bulan Ramadhan. Kelihatan Awang Abdul Majid bin Haji Abdul Rahim sedang membacha suatu ayat. Gambar ehsan: Awang Md Sharir Haji Mohsin.**

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 25hb. hingga 29hb. Mach, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 25.3.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 25.3.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 25.3.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 27.3.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 27.3.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 28.3.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 28.3.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Penglima Brudin, Limau Manis | 29.3.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 29.3.1978 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 29.3.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/hari |

# 'PESAKA' AKAN DAPAT MENJADI CHONTOH PERSATUAN2 BELIA

KAMPONG KERIAM, Tutong.—Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hussain, merasa kagum sa-telah mengetahui Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) telah banyak membuat usaha di-lapangan kebajikan terutama dalam lapangan ekonomi saperti; mengadakan kedai sharikat kerjasama, perkhidmatan bas sekolah, jentera kisaran padi, persawahan dan lain2 lagi.

Menurut Yang Berhormat Pehin bahawa di-Daerah Tutong, sa-takat ini hanya terdapat dua buah Persatuan Belia sahaja yang mengusahakan kegiatan seumpama itu, ia-itu Persatuan PESAKA, Kampong Keriam dan Persatuan PERDA, Kampong Penanjong, pada hemat-nya boleh di-jadikan chontoh kapada persatuan2 belia lain di-negeri ini.

Ketika beruchap merasmikan Mashuarat Agong PESAKA kali ke-17 di-sini Ahad lepas, Yang Berhormat itu menyatakan; "Kapada puchok pimpinan PESAKA yang telah berusaha ka-arah kemajuan ini, saya uchapkan shabas dan semoga-lah tenaga dan buah fikiran yang menghasilkan perkembangan ini akan terus menerus di-churahkan demi faedah dan kesejahteraan bersama.

"Saya ingin melihat daripada pengalaman2 yang di-perolehi oleh Persatuan PESAKA dan persatuan2 lain yang telah maju di-daerah ini akan dapat menyatukan pengalaman dan kemajuan dengan membuat serta mengembangkan ranchangan lebeh besar yang boleh di-nekmati oleh sa-bahagian besar kaum belia serta pendudok pada keselurohan-nya."

Terdahulu dari itu dalam uchapan-nya, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja menyatakan sa-lama hampir 18 tahun persatuan PESAKA di-tubohkan telah banyak membuat usaha2 berkebajikan bukan sahaja untok ahli2-nya bahkan juga kapada masharakat di-kampong itu sendiri dalam usaha menambah majukan persafahaman, kemajuan dan kesetabilan kapada ahli2 dan pendudok di-sekitar tersebut.

Yang Berhormat itu berharap semoga usaha-maju dan ingin bergiat di-bidang2 yang berkebajikan lagi berfaedah yang telah di-perlihatkan oleh Persatuan PESAKA ini akan dapat di-usai atau di-tambah mana2 yang perlu oleh pemimpin2 persatuan itu.

Kapada ahli2 serta pendudok2 di-Kampong Keriam, Yang Berhormat itu berseru supaya akan memberikan sokongan dan melibatkan diri dalam penyertaan satu2 projek yang di-jalankan, kerana tanpa kerjasama dan penyertaan dari ahli2 dan pendudok2 di-kampong itu; usaha2 atau projek2 yang berkebajikan itu tidak akan terchapai dengan sepenoh-nya.



Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain ketika beruchap di-majlis tersebut.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awang Haji Hussain menguchapkan tahniah atas kejayaan sa-orang belia yang pertama di-Kampong Kerim, Awang Ahmad bin Rani yang mendapat kelulusan B.Sc. jurusan pertanian yang juga telah di-rai'kan sempena Mashuarat Agong pada hari itu, sementara gambar bawah, Awang Haji Yahya menyampaikan derma pelajaran PESAKA, kapada Dayang Norlela bte Suhaili.



BELIA DAN SOKAN

## Berkat persefahaman golongan tua muda

KAMPONG KERIAM, Tutong.— Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Haris, ketika beruchap dalam majlis perasmian Mashuarat Agong PESAKA, Ahad lepas di-sini menyatakan Persatuan Melayu Keriam telah berkechimpong dalam perkembangan persatuan2 belia sejak 17 tahun yang lalu. Sa-lama persatuan itu bergerak aktib, sudah tentu tidak kurang mengalami berbagai2 chabaran, kesulitan dan sa-umpama-nya.

Tetapi pada hari ini adalah jelas terbokti kapada kita dengan pimpinan yang bijaksana, jujor serta kesabaran dari Yang Dipertua serta Ahli2 Jawatankuasa-nya di-sertai pula oleh sokongan dan kerjasama dari golongan tua dan golongan muda maka semangat kesedaran tetap tumboh berakar umbi dengan menghasilkan buah2 yang lazat di-samping kerindangan yang telah di-nekmati oleh ahli2-nya serta juga pendudok di-Kampong Keriam, sa-bagai balasan dari usaha yang bersunggoh2, tegas beliau.

"Majlis atau perkumpolan yang Awang dan Dayang2 adakan ini merupakan satu perkumpolan yang besar erti-nya; kerana ia-nya akan dapat menghasilkan satu puncha perpaduan bagi membentok satu masharakat yang bersatu padu dan kukoh.

"Perpaduan atau kekukohan yang sedang dan akan Awang2 dan Dayang2 laksanakan di-kampong ini mudah2an akan berkekalan buat sa-lama2-nya dan akan dapat di-warithi dan di-amalkan sepenoh-nya pula oleh jenerasi2 baru supaya perpaduan yang kita pupok dari zaman berzaman itu akan kekal abadi, biar-lah arus dan zaman kemajuan ini menchabar kehidupan kita," kata-nya.

## *Kursus Jurulateh bola sepak*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 24 orang guru latehan jasmani di-seluroh negeri telah menamatkan kursus jurulateh bola sepak pada minggu lalu.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran dan telah di-adakan di-Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara. Tiga orang pegawai dari jabatan tersebut telah mengendalikan kursus sa-lama sa-minggu itu.

Pada tahun lalu, kursus yang sama telah di-hadhiri oleh 24 orang guru latehan jasmani dan telah di-adakan di-tempat yang sama.

## Perlumbaan rentas desa S.M.M. Muda Hashim

TUTONG. — Perlumbaan rentas desa bagi Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah di-langsongkan pada minggu lalu. Lebeh 600 orang penuntut telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu. Perlumbaan antara rumah2 itu telah di-bahagikan kapada bahagian2 lelaki dan perempuan.

Bahagian lelaki telah di-menangi oleh Awang Baru Inchit tdan Dayang Nyangu Taboh telah memenangi bahagian perempuan. Rumah Adai2 telah munchol sa-bagai johan keselurohan dalam perlumbaan tersebut.

## IBB menang piala Indera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bolasepak bagi merebut Piala Rebutan Kelab Bolasepak Indera telah di-langsongkan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Ahad. Perlawanan itu telah di-menangi oleh Pasokan A Ikatan Belia Berakas sa-telah mengalahkan Pasokan Indera dengan satu gol kosong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Shahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

**KAN-HAL KITANI . . .**

* Maju nampak-nya PESAKA atu, 'Ngah!
† Di-mana lagi yang maju?
* Persatuan PERDA!
† Semua-nya di-Daerah Tutong — Shabas!!
* Bagaimana di-Daerah lain?
† Ada tu karang, diam2 saja kitani!
* Eh, waktu ani manakan dapat diam2!
Kalau diam2, kitani ketinggalan zaman!!!

## *Perlawanan bola sepak*

GADONG.— Perlawanan bolasepak antara yunit2 Pasokan Pulis Diraja Brunei telah bermula pada minggu lalu. Sabanyak enam yunit dari pasokan tersebut mengambil bahagian dalam perlawanan itu. Perlawanan perengkat akhir di-jangka akan di-langsongkan dalam awal bulan Mei.

Perlawanan itu telah di-rasmikan oleh Penolong Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar di-Padang Yunit Pulis Simpanan di-Gadong.

## *J/kuasa Persatuan Teksi Belait*

SERIA. — Mashuarat ahli2 Persatuan Teksi Daerah Belait yang telah di-adakan di-Bangunan Kejuruteraan China di-sini bulan lalu telah melantek Jawatankuasa persatuan tersebut bagi tahun 1978/1979, terdiri:—

Penasehat: Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani; Yang Dipertua, Awang Mohd Yussof bin Haji Metasim; Timbalan Yang Dipertua, Awang Zainal bin Abdul Rahman; Setia Usaha, Awang Haris Bungso; Timbalan Setia Usaha, Awang Hassan bin Hassip; Bendahari, Awang Abdul Wahab Ibrahim; Timbalan Bendahari, Awg Mahmud Marlan.

Empat orang Ahli Jawatankuasa: Awg Haji Mohd Salleh Ibrahim, Awang Siput bin Tarudin, Awg Md. Tahir bin Md Noor dan Awg Abdullah bin Ajak.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 22HB. MACH,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.28 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS "African Wild Dogs"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 RICH MAN, POOR MAN —
Bahagian kesepuloh
Tom meneruskan usaha-nya dengan Falconetti hingga membawa kapada kemunchak yang ganas dan perkahwinan Rudy dan Julie terancham.
8.00 DOCTOR AT LARGE —
"No Ill Feeling"
Michael mula bekerja di-Harrow dan tinggal di-sebuah hotel di-mana tetamu-nya mengusek2-nya.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.15 SHOW OF THE WEEK :
"John Denver In Concert"
10.05 PERLAWANAN GUSTI
11.15 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 23HB. MACH,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SANTIAGO'S ARK
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SANTIAGO'S ARK — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 OREGON TRAIL —
Bahagian pertama
8.00 PLAIN SAILING "Building Your Own Boat" — Bahagian kedua.
Belajar membena bot layar dengan David Blagden.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU :
Bertajok: "Darah-Ku"
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 24HB. MACH,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL —
"Pergi ka-pasar"
5.30 HERE'S MUMFIE
"The Petrol Station"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BATEFL : "Peraduan nyanyian dan sajak"
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — "Empty Chair"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 INTERNATIONAL POP PROMS
8.00 ARE YOU BEING SERVED —
"Forward Mr. Grainger"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 MICROBES AND MEN —
"The Tuberculin Affair"
Episode minggu ini dalam siri dokumentari ini ia-lah mengenai Robert Koch dan pengubatan-nya bagi penyakit batok kering.
10.00 MYSTERY MOVIE :
McMillan and Wife : "Affair Of The Heart"
11.30 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 25HB. MACH,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SESAME STREET — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS
"K Is For Kill"—Bahagian pertama: Steed, Purdey dan Gambit dapati mereka berada dalam situasi peperangan di-France.
8.00 DISCO 77
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BISTARI
9.15 BINTANG BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU
11.45 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 26HB. MACH,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL —
"Lapangan Terbang"
5.30 THE MAGIC BALL —
"The Weatherman"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO —
"The Headless Horseman Of Halloween"
6.28 DON'T ASK ME
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 SIX MILLION DOLLAR MAN —
"Walk A Deadly Wing"
8.00 WILDLIFE IN CRISIS
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PERSEMBAHAN BENA
9.15 DRAMA : Inggeris
11.15 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 27HB. MACH,

MALAM :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES—"Battle Of The Titans"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 BIG BLUE MARBLE — sambongan

PETANG :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHIPS "Career Day"
Dengan Erik Estrada dan Larry Wilcox sa-bagai pegawai bermotosikal peronda jalanraya California.
8.00 SERIKANDI
Kapada kaum wanita di-tanah ayer kali ini kita akan dapat mengikuti ruangan serikandi, antara lain ia-lah sa-buah filem yang mengesahkan sa-buah maktab wanita, cheramah kesihatan, masakan "Ayam Masak Merah" dan menyusun bunga hidup dan lain2.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HAWAII FIVE O :
"Anyone Can Build A Bomb"
Lew Ayres pelakun undangan sa-bagai ilmu Physic Nuclear terperangkap dalam ranchangan peras ugut — penjahat2-nya mengancham untok menghanchurkan Honolulu.
9.35 WARSHIP —
"What Are Friend For?"
10.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 28HB. MACH,

MALAM :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 SESAME STREET — sambongan

PETANG :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS MYSTERIES
HARDY BOYS : "Wipe Out"
Ketika di-Hawaii, di-mana Frank memasoki peraduan melanchar di-permukaan ayer, Hardy Boys mendapati diri mereka bekerja bagi polis Hawaii.
8.00 KEBUN KITA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK — "Caper Or A Quiet Street".
9.55 TANDARRA
"Whooyoo Kudaija Man"
Menyelamatkan sa-orang berbangsa asli dari membunoh menyebabkan Joe Brady berkelahi dengan sa-orang jiran.
10.45 SIARAN TAMAT.



Pelakun siri Rod Taylor (kanan sekali) sedang memerhatikan Andrew Stevens yang mengetuai kumpolan gerabak dalam siri baru "The Oregon Trail".

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greeting by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Talking About Music; 8.30 Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — The Morecambe and Wise Show; 10.15 — A Date with . . .; 10.30 —Close Down.

**SATURDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30—Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — The Morecambe and Wise Show; 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Home To Roost; 8.30 — Be My Guest—introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Get Away — travels from Brunei; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15—News; 9.30 — Sixtv Minute Theatre: "Dog In A Manger" by Jill Hyem; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Housewives Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat); PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Gallagher and Lyle" Side 1; 8.30 — Forum — produced by Vivien Cheong; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. **CHARGE-HAND ELECTRICIANS :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai kelulusan City & Guilds Certificate in Electrical Installation dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan sama.

Chalon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang rendah sedikit akan juga di-pertimbangkan sekira-nya mereka telah memperolehi pengalaman praktikal yang luas dan memboktikan kebolehan mereka.

**Tugas2 :**

Menyelia kerja2 memasang dan menyediakan kelangkapan studio talivishen dan lampu2 untok siaran luar, di-bawah arahan Jurutera Lampu. Tugas2 lain termasok-lah kerja2 pemeliharaan alat2 tersebut, lain2 kelengkapan letrik di-dalam studio termasok-lah switch rooms dan alat2 penggelap (dimming equipment).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. **PEMBERITA :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan Lima aliran Inggeris. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam bidang kewartawanan. Kebolehan menaip dan menulis trengkas ada-lah di-utamakan.

**Tugas2 :**

Bertugas sa-bagai sa-orang Pemberita bagi talivishen dan radio. Berkebolehan menjalankan temuramah dalam bahasa Melayu atau Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaii permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. **PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK :**

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman professional yang berkaitan sekurang2-nya sa-lama dua tahun serta mempunyai diploma dari institute latehan yang di-iktiraf.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. **PENYELIA HARTA-BENDA :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Brunei Cambridge (Perengkat (Biasa) atau yang sebanding dengan-nya. Pemohon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah dari ini tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyelenggara setor akan juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. **JURUTAYANG :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Ingeris atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam chara2 menggunakan projector wayang gambar. (satu ujian akan di-adakan oleh Pejabat ini).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB. 2-3 — $ 370-383-395-408-421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. **JURULETRIK :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah berumor antara 21 hingga 40 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu. Selain dari itu, mereka hendak-lah mempunyai pengalaman sa-lama lima tahun dalam kerja2 pemasangan letrik dan dapat memboktikan kebolehan mereka.

**Tugas2 :**

Menjalankan tugas2 yang akan juga meliputi kerja2 memasang alat2 dalam studio talivishen dan alat2 siaran luar di-bawah penyeliaan Charge-Hand Electrician. Tugas2 lain termasok-lah kerja2 pemeliharaan alat2 tersebut dan lain2 alat letrik saperti yang di-arahkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

**Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2** tidak lewat dari 13hb April, **1978.**

## Pemandu Kenderaan Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Kenderaan Tingkatan I di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 30 dan 50 tahun dan mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.
b) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya mempunyai 10 tahun pengalaman memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
c) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas sa-chara bergilir2 apabila di-kehendaki.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-kawasan Muara.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440/EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb April, 1978.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 30 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF A TOILET BLOCK AT SEKOLAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 31 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF 5 BAYS GARAGES FOR LAND TRANSPORT DEPARTMENT, JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 32 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th March, 1978 for :—

TEMPORARY HOUSE FOR RAJA AYANG CEMETERY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 33 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th March, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF A TOILET BLOCK AT SEKOLAH MELAYU O.K.A.W.S. KUPANG, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 34 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF A SCHOOL BLOCK OF 5 STANDARD CLASSROOMS AND ANCILLARY WORKS AT NEGALANG, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 35 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

RE-ROOFING, REPAIR AND FULL RE-DECORATION OF S.O. No. 55 AT JALAN TEMENGGONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 36 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

REPAIRS, EXTERNAL AND INTERNAL REPAINTING AND REPLACING BULLION ROOF WITH ASBESTOS (ARDEX) FOR QUARTERS CLASS "F" No. 745 A AND B AT SENGKURONG MALAY SCHOOL, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 37 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

DELIVERY OF EARTH-FILL AND SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER RUN STONES TO JALAN SENOKOH, TEMBURONG.

particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 39 OF 1978**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

REPAIRS AND INTERNAL/EXTERNAL RE-DECORATION OF OFFICERS' MESS, POLICE TRAINING CENTRE, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 39 OF 1978**

TENDERS will be received from "A" only P.W.D. Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for :—

PROPOSED NEW SCIENCE BLOCK FOR SEKOLAH MENENGAH ARAB RAJA ISTERI ANAK DAMIT, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## PENGELUARAN LESEN2 TEKSI DAERAH TEMBURONG

ADA-LAH dengan ini di-ma'alumkan bahawa Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa akan menimbangkan untok mengeluarkan 2 lesen teksi Daerah Temburong.

2. Pendudok2 Daerah Temburong yang berbangsa Brunei atau yang telah mendapat Taraf Keraayatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Brunei, sharikat2 atau firma2 sama ada bergaji bulan atau bergaji hari ada-lah di-pelawa memohon bagi pertimbangan Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa. Pemohon2 yang berjaya ada-lah di-kehendakki mengusaha dan memandu sendiri teksi2 mereka maka oleh itu pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 21 tahun dan mempunyai sa-kurang2-nya lesen memandu kelas 3.

3. Mereka2 yang telah memohon atau nama mereka ada termasok dalam satu "Sinarai Menunggu" di-pejabat ini hendak-lah memohon sa-mula, jika mereka mahu berbuat demikian dengan menerangkan bahawa nama mereka ada termasok dalam "Sinarai Menunggu" itu atau memberi tahu kapada Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa yang mereka sukachita jika nama mereka di-masokkan bersama bagi pertimbangan Lembaga tersebut.

4. Semua permohonan hendak-lah menggunakan borang2 permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Daerah Temburong dan Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei. Permohonan2 mesti-lah sampai di-Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 5hb. April, 1978 jam 4.00 petang. Permohonan2 yang lewat di-terima tidak akan di-layani.

## PENGELUARAN LESEN2 BAS PERJALANAN2 BANDAR SERI BEGAWAN/LIMAU MANIS DAN LABI/SERIA

ADA-LAH dengan ini di-ma'alumkan bahawa Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa akan menimbangkan bagi pengeluaran lesen2 bas perkhidmatan awam yang boleh memuat di-antara 20-25 orang penumpang tiap2 sa-buah saperti berikut :—

(a) 2 LESEN BAS PERJALANAN BANDAR SERI BEGAWAN/LIMAU MANIS.
(b) 1 LESEN BAS PERJALANAN LABI/SERIA.

2. Bas2 di-bahagian (a) ada-lah untok Daerah Brunei dan Muara sahaja manakala bas bahagian (b) ada-lah untok Daerah Belait. Pendudok2 di-daerah2 yang berkenaan, sharikat2 kerjasama atau sharikat2 tempatan yang berdaftar di-segi undang2 di-daerah2 yang di-sebutkan ada-lah dipelawa memohon bagi pertimbangan Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa. Pemohon2 sa-chara persaorangan hendak-lah berbangsa Brunei atau yang telah mendapat Taraf Keraayatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Brunei, sharikat2 atau firma2 sama ada bergaji bulan atau bergaji hari.

3. Mereka2 yang telah memohon atau nama mereka ada termasok dalam satu "Sinarai Menunggu" di-pejabat ini hendak-lah memohon sa-mula, jika mereka mahu berbuat demikian dengan menerangkan bahawa nama mereka ada termasok dalam "Sinarai Menunggu" itu atau memberi tahu kapada Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa yang mereka sukachita jika nama mereka di-masokkan bersama bagi pertimbangan Lembaga tersebut.

4. Semua permohonan hendak-lah menggunakan borang2 permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara; Pejabat Daerah Belait; Pejabat Pengangkutan Darat, Kuala Belait dan Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei. Permohonan2 mesti-lah sampai di-Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 5hb April, 1978 jam 4.00 petang. Permohonan2 yang lewat di-terima tidak akan di-layani.

## ELECTRICAL INSTALLATION OF PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA (PHASE I)

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from registered Electrical Contractors Class "A" only up to 12.00 noon, 11th April, 1978 for :—

ELECTRICAL INSTALLATION OF PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA (PHASE I).

Tender document can be obtained from the Office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 15th March 1978 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$400.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the reutrn of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 11th April 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—"Tender for Electrical Installation of Proposed Miscellaneous Additions and Alterations to Flotilla Base, Muara (Phase I).

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

# PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran yang telah menyusun beberapa projek kesenian-nya sa-panjang tahun ini, akan menganjorkan Peraduan Tarian Asli Brunei sempena menyambut keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-32 dalam pertengahan bulan Julai depan.

Peraduan tersebut yang akan di-sertai oleh 15 buah sekolah rendah dan persediaan Inggeris seluroh negeri termasok dua buah sekolah Misi dan China bagi perengkat sekolah2 rendah di-samping 17 buah sekolah menengah juga termasok dua buah sekolah Misi dan China bagi perengkat menengah dan akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap bahagian tersebut memberitahu Pelita Brunei minggu ini, peraduan itu akan di-adakan pada 29hb Julai bagi perengkat rendah dan 1hb Ogos bagi perengkat menengah.

Di-samping itu bagi menyambut hari keputeraan tersebut juga satu Peraduan Senilukis dan Pertukangan-tangan Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluroh negeri kali ke-13 akan juga di-adakan pada 31hb Julai hingga 10hb Ogos depan. Pameran itu akan di-sertai oleh lebeh 100 buah sekolah rendah dan persediaan Inggeris.

Bagi pameran perengkat menengah dan maktab, pameran ini terbahagi kapada dua bahagian — Bahagian Menengah Bawah dan Bahagian Menengah Atas. Ia juga di-bahagikan kapada tiga kumpolan ia-itu Kumpolan 'A' bagi tingkatan I dan IV; Kumpolan 'B' bagi tingkatan II dan V serta Kumpolan 'C' bagi tingkatan III dan VI.

Sa-banyak sembilan jenis lukisan dan pertukangan-tangan akan di-pamerkan termasok Lukisan Alam Benda dan Semula Jadi; Lukisan Orang2 Hidup; Gubahan Fikiran; Modern Art; Poster berunsor keselamatan Jalanraya, Kesihatan dan Pelajaran; Pertukangan Archa; Chap Kain (bagi menengah bawah sahaja) dan Membatik (bagi menengah atas).

Ia-nya di-sharatkan dengan ukoran tidak lebeh 16" x 18" bagi lukisan, tidak lebeh 8" x 18" bagi pertukangan archa dan tidak kurang dari dua ela chap kain dan membatik. Lukisan2 dan pertukangan-tangan yang telah di-pamerkan pada tahun2 lepas tidak akan di-terima.

Semua lukisan2 hendak-lah di-hantar ka-Setor Jabatan Pelajaran, Jalan Haji Basir, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Sabtu 27hb Mei, 1978 bersama2 borang penyertaan yang boleh di-dapati dari Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran.

Sementara itu pameran bagi sekolah2 rendah yang akan menyertai pameran perengkat negeri itu nanti akan di-adakan di-sepanjang bulan Mei dan Jun depan pada tarikh2 dan tempat2 berikut:

Bertempat di-Dewan SM Pusar Ulak sa-banyak 10 buah sekolah dari Brunei I akan membuat pameran pada 27hb Mei 1978. Bagi Sekolah2 Brunei II pula ia-lah pada 4hb Jun, 1978 bertempat di-SM Delima I; Sekolah2 Brunei III akan mengadakan pameran pada 21hb Mei, 1978 bertempat di-SM OKBI, Subok.

Pada 28hb Mei, 1978 sa-banyak 17 buah sekolah2 rendah di-Tutong I akan mengadakan pameran pada 28hb Mei bertempat di-SM Sinaut; Tutong II pada 14hb Mei, 1978 bertempat di-SM Danau, manakala sekolah2 rendah Daerah Belait ia-lah pada 3hb Jun, 1978 di-SM Mohammad Alam, Seria; di-Temburong pameran akan di-adakan pada 4hb Jun, 1978 bertempat di-SM Sultan Hassan, Bangar.

Sementara Sekolah2 Persediaan Inggeris pula pameran akan di-adakan pada 7hb Mei, 1978 bertempat di-SM Kiudang bagi SPI Tutong dan Belait dan pada 11hb Jun, 1978 bagi SPI Brunei/Muara dan Temburong bertempat di-SM HMS Sungai Hanching.



Juara MUTIKA 1978, Dayang S. Ros dan naib-johan Awang Osman Paun.

# S. ROS JUARA MUTIKA '78

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dayang S. Ros telah berjaya menyandang juara dalam pertandingan MUTIKA 1978. Dayang S. Ros yang membawakan lagu 'Oh Tuhan' telah memperolehi markah 84.8 peratus.

Di-samping menerima oskar rebutan yang di-korniakan oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, juara MUTIKA itu juga menerima hadiah wang tunai sa-banyak $1,500.

Penyanyi veteran, Osman Paun telah berjaya mendapat tempat kedua dengan memperolehi markah 83.8 peratus manakala tempat ketiga di-menangi oleh M. Noordin. Beliau mendapat markah 83.4 peratus.

Pemenang kedua dan ketiga masing2 menerima hadiah wang tunai sa-banyak $1,000 dan $750.00.

Sembilan orang peserta yang berjaya melayakkan diri dalam beberapa siri pertandingan awal, telah menyertai pertandingan perengkat akhir yang di-siarkan sa-chara langsong dari Dewan Raya itu. Ini ada-lah pertandingan kali kedua di-anjorkan oleh Radio Talivishen Brunei bagi menchungkil bakat2 baru dalam bidang seni suara.

Pengawal Radio Talivishen Brunei, Awang James Millar telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir pertandingan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan, johan dan naib-johan MUTIKA tahun ini akan mewakili negeri Brunei ka-Pertandingan Nyanyian Amatur Asia yang akan di-adakan di-Hong Kong pada 29hb Mei depan. Brunei juga telah menyertai pertandingan yang sama dalam tahun lepas.

# Symposium penyalah-gunaan dadah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pertubohan Kimia Brunei (BCS) akan mengadakan symposium pertama yang berkisar mengenai penyalah gunaan dadah bertempat di-Bangunan Peringatan Churchill pada hari Ahad depan, 26hb Mach, 1978 mulai 9.30 pagi.

Sa-orang pakar kaji penyakit jenayah yang terkemuka di-Repablik Singapura, Dr Chao Tzee Cheng, akan memberi satu cheramah khas yang berthemakan "Kejahilan Kesan Penyalah Gunaan Dadah".

Pencheramah dari Brunei, ASP Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail, sa-orang pegawai pulis kanan, juga memberikan cheramah mengenai "Penyalah Gunaan Dadah dan Kemasokkan Dadah Ka-Brunei".

Symposia tersebut akan di-hadhiri oleh ahli2 profesional pertubohan kimia Brunei dan para tetamu khas daripada Jabatan Perubatan, Pasokan Pulis Diraja Brunei, Jabatan Kastam, Sharikat Minyak Shell Brunei, peguam2 dan doktor2 pribet seluroh Brunei.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz, penaong BCS, ada-lah tetamu kehormat di-majlis itu.

# Latehan Perguruan Ugama di-MPUSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, mempelawa pemohon2 yang berugama Islam di-negeri ini yang berhajat untok memasoki Latehan Perguruan Ugama tahun 1978 ini di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½ Jalan Tutong, pada bila2 waktu pejabat di-buka, dan hendak-lah di-kembalikan kapada Pengetua Maktab tersebut selewat2-nya pada 8hb April, 1988 depan.

Pemohon2 yang berjaya akan mengikuti latehan itu sa-lama tiga tahun. Aloan2 dan gaji sa-masa dalam latehan akan di-berikan. Latehan itu terbahagi kapada Kursus 'A' dan Kursus 'B'.

Kelayakan2 untok mengikuti kursus 'A': mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei atau Sijil Pelajaran Singapura dengan sharat mendapat kelulusan dalam empat mata pelajaran 'O' atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sharat mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau bagi mana2 pemohon dari sekolah yang bukan aliran ugama hendak-lah mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

Kelayakan2 untok kursus 'B' hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB), atau Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau yang sa-banding dengan sijil2 tersebut dengan sharat lulus dalam Bahasa Melayu. Bagi pemohon2 dari sekolah yang bukan aliran ugama hendak-lah mempunyai Sijil Darjah VI Ugama.

Sa-seorang pemohon hendak-lah raayat Kebawah DYMM yang berugama Islam; manakala yang bukan warga negara Brunei boleh juga memohon tertaklok kapada pertimbangan khas; maseh bujang; dan berumor di-antara 16 hingga 23 tahun. Hendak-lah boleh membacha dan menulis jawi serta lanchar membacha Al-Kor'an; Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu-duga; Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus pepereksaan doktor.

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menanda-tangani satu surat perjanjian dengan Kerajaan Brunei bagi memenohi sharat2 ia-itu: Mereka tidak boleh berkahwin sa-masa dalam latehan dan mereka atau penjamin di-kehendaki membayar balek dengan sepenohnya semua perbelanjaan jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan.

# Tayangan perdana

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan satu tayangan filem perdana pada malam esok, 23hb Mach. Filem yang bertajok 'Chinta Kaseh Mama' itu akan di-tayangkan di-Panggong Boon Pang Baharu pada jam 9.15 malam.

Tayangan perdana ini di-taja oleh Awang Tan Kim Thai dari Hock Thai Motor dengan kerjasama Dato Ong Kim Kee.

Tayangan perdana ini ia-lah untok memungut derma untok tabong MBB dan Tabong Kebajikan Kebangsaan Brunei. Tiket2 sekarang sedang di-jual di-panggong tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Kamaludin ibni Al-Marhom Pengiran Bendahara Anak Haji Md Yassin dengan suka-chita akan menjadi Penaong kapada Tayangan Perdana ini.

## Dari muka 6

Dari muka 6

ornian dermasiswa pada masa ini tidak akan menerima nasib yang sama saperti kawan2 mereka yang 21 orang itu.

Penuntut2 yang berjaya dalam pengajian mereka itu dapat memboktikan bahawa mereka juga berjaya mengatasi kesusahan2 yang di-tempoh mereka dalam hidup di-negeri orang. Banyak chara dan jalan bagi mengatasi kesusahan2 dan masaalah2 yang di-tempoh mereka itu asalkan saja jangan salah gunakan. Bergaul dengan orang2 tempatan dan penuntut2 dari luar negeri yang lain bagi membaiki pertutoran bahasa Inggeris dan bagi mendapatkan buah fikiran tentang sa-suatu perkara. Menggunakan masa lapang di-khutub khanah dan mengambil perhatian tentang hal ehwal semasa untok bahan perbinchangan. Perkara2 saperti itu dapat menolong mengatasi masaalah2 mereka dalam menghadapi pengajian masing2. Banyak lagi jalan yang di-ambil mereka untok mengatasi masaalah2 itu.

(BERSAMBONG)

# Pesta ria

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan Pesta Ria di-Dewan Sekolah Melayu Lamunin pada hari Sabtu 25hb Mach, mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara yang menarek akan di-adakan dalam temasha tersebut. Antara-nya ia-lah persembahan nyanyian, lewak jenaka, Terima-lah Sampul Surat dan Sa-jenak bersama Awda.

Orang ramai khas-nya penduduk2 di-sekitar Kampong Lamunin ada-lah di-persilakan untok menyaksikan temasha tersebut.

# Minggu suai-kenal P.T.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara akan mengadakan Minggu Suai-Kenal (Orientation Week) mulai hari Khamis, esok, 23hb Mach.

Tujuan Minggu Suai-Kenal itu di-adakan ia-lah untok mengalu2kan kedatangan penuntut2 baru yang telah di-pileh untok memasoki pusat tersebut. Ia-nya akan di-adakan sa-lama dua minggu.

Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Mohammad akan merasmikan Minggu Suai-Kenal itu dalam satu upachara yang akan di-adakan di-Dewan Pusat tersebut.

Beberapa achara telah di-ator sa-masa Minggu Suai-Kenal itu termasok-lah lawatan2 ka-Sekolah Pertukangan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan ka-Pusat Latehan Pertanian, Sinaut. Mereka juga akan mengadakan lawatan sambil membersehkan kawasan Pusat Tingkatan Enam yang baru di-Gadong.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.